

24/07/1998

Tambah eksport perabot tempatan

Hatipah Ahmad

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengeluar perabot tempatan meningkatkan produktiviti dan eksport keluaran berkenaan bagi membantu usaha kerajaan membawa masuk tukaran asing ke negara ini.

Saranan itu dibuat Perdana Menteri pada majlis dialog dengan beberapa wakil syarikat dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) di Kuala Lumpur, semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Kerk Choo Ting, berkata saranan Perdana Menteri itu antara lain bertujuan menggalakkan pengeluar perabot menjadi pemangkin pertumbuhan eksport negara, sekali gus membantu membawa masuk tukaran asing.

Menurutnya, pada dailog itu Perdana Menteri turut menerangkan keperluan syarikat perdagangan Malaysia untuk membantu usaha kerajaan meningkatkan eksport, terutama dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang.

"Dr Mahathir Mohamad menegaskan fungsi pengeluar tempatan untuk sama-sama membantu kerajaan menggerakkan pertumbuhan eksport dengan menghasilkan perabot yang diterima di pasaran antarabangsa.

"Gesaan itu diharap dapat memangkinkan perkembangan eksport yang menjadi agenda utama dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan eksport bagi menyumbang tukaran asing yang lebih tinggi.

"Dalam keadaan ekonomi tidak menentu di Malaysia dan negara serantau ketika ini adalah penting bagi pengeluar perabot meningkatkan mutu keluaran dan penggunaan kandungan tempatan," kata Kerk selepas merasmikan Pameran Eksport Perabot Malaysia (MAFEX) di Sungai Besi, semalam.

Pada majlis yang sama, beliau turut menyaksikan pemeteraan memorandum persefahaman (MoU) di antara Persatuan Peniaga dan Pengeluar Perabot Muar (MFMTA) dan Pusat Reka Bentuk Eksport Antarabangsa (Idec).

MoU yang bertujuan melantik Idec sebagai tempat dan lokasi pameran rasmi bagi keluaran perabot persatuan itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Country Heights, Tan Sri Lee Kim Yew dan Presiden MFMTA, Ng Lai Teck.

Kerk berkata, peniaga dan pengeluar perabot tempatan turut digesa meningkatkan mutu, reka bentuk dan kaedah persembahan produk mereka dalam setiap pameran antarabangsa.

(END)